

07/06/1997

Rasuah: Pecat bukti Umno serius

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pucuk pimpinan Umno negeri menganggap keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno memecat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Datuk Abu Bakar kerana isu penyelewengan RM1.8 juta daripada akaun Pergerakan Wanita Umno sebagai wajar dan patut menjadi teladan kepada pemimpin Umno lain.

Menurut mereka, keputusan MT itu jelas menunjukkan ketegasan pucuk pimpinan tertinggi parti dalam menangani, membanteras dan membendung sebarang bentuk penyelewengan.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Badan Perhubungan Pergerakan Wanita Umno negeri, Sabariah Ahmad, berkata keputusan MT itu perlu disokong dan dipatuhi kerana ia dibuat selepas siasatan terperinci dilakukan dan mendapati mereka terbabit dalam kes itu.

"Kita terpaksa akur dengan keputusan MT kerana melalui cara itu sajalah masalah rasuah dapat diatasi," katanya sambil menyifatkan tindakan MT memecat Siti Zainab itu sebagai penyelesaian terbaik.

Sementara itu, Pengerusi Biro Pendidikan Badan Perhubungan Umno, Khaled Nordin, berkata semua pihak perlu menghormati keputusan MT kerana ia dibuat berdasarkan siasatan yang dilakukan.

Menurutnya, keputusan MT itu perlu disokong sepenuhnya kerana mengambil tindakan tegas membanteras rasuah dan penyelewengan.

Di KUALA TERENGGANU, Badan Perhubungan Umno Terengganu menyokong penuh tindakan Majlis Tertinggi (MT) memecat jawatan yang dipegang ahlinya dan menggantung keahlian mereka dalam Umno demi keutuhan dan kekuatan parti.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata sekarang adalah masa paling sesuai untuk membersihkan parti daripada gejala salah laku, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selepas banyak kali amaran dan teguran dibuat oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita menyokong usaha membersihkan Umno selepas Dr Mahathir memberi amaran sama ada dalam perhimpunan Umno dan mana-mana perjumpaan," katanya.

(END)